



**GARIS PANDUAN PEJABAT KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**

**KELAYAKAN PERABOT DI RUMAH KHAS JAWATAN DAN RUMAH
KHAS JABATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**TARIKH KEMASKINI:
01 JANUARI 2026**

KANDUNGAN

1.	PENDAHULUAN	2
2.	KELAYAKAN PERABOT BESERTA KADAR HARGA MAKSIMUM MENGIKUT KELAS RUMAH	2 - 3
3.	PENUTUP	4
4.	PEMATUHAN	4

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan menjelas dan menetapkan kelayakan serta siling harga perabot yang boleh disediakan di Rumah Khas Jawatan dan Rumah Khas Jabatan Negeri Perak Darul Ridzuan.
- 1.2 Perintah Am Bab E (Rumah dan Bangunan Pejabat Kerajaan) yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 1974 merupakan dokumen rujukan utama bagi penetapan kelas dan kelayakan perabot di rumah kerajaan. Seiring dengan perkembangan semasa, penjelasan dan penetapan perabot yang lebih sesuai beserta siling harga perabot mengikut Kelas Rumah perlu disediakan untuk penyeragaman.

2. KELAYAKAN PERABOT BESERTA KADAR HARGA MAKSIMUM MENGIKUT KELAS RUMAH

- 2.1 Kelayakan perabot beserta kadar harga maksimum mengikut kelas rumah seperti berikut:

Bil.	Gred Jawatan Perabot	Gred Utama B dan ke atas	Gred Utama C	Orang Besar Jajahan / Gred 14
		Kadar maksimum seunit (RM)	Kadar maksimum seunit (RM)	Kadar maksimum seunit (RM)
Kelas Rumah		A	B / C	C / B
Kelayakan Perabot dan lain-lain kelengkapan				
1.	Set meja makan 8 kerusi	7,000.00	5,000.00	3,500.00
2.	Kabinet TV	2,500.00	2,000.00	1,500.00
3.	Televisyen	4,000.00	3,500.00	3,000.00
4.	Set Sofa 3+2+1	10,000.00	4,500.00	4,000.00
5.	Meja Kopi	2,000.00	2,000.00	1,000.00

Bil.	Gred Jawatan Perabot	Gred Utama B dan ke atas	Gred Utama C	Orang Besar Jajahan / Gred 14
		Kadar maksimum seunit (RM)	Kadar maksimum seunit (RM)	Kadar maksimum seunit (RM)
Kelas Rumah		A	B / C	C / B
Kelayakan perabot dan lain-lain kelengkapan				
6.	Set katil kelamin dan tilam (kadar untuk 1 (satu) bilik termasuk meja solek dan meja tepi katil dan almari (bilik utama)	13,500.00	10,000.00	8,000.00
7.	Set katil kelamin dan tilam (kadar untuk 1 (satu) bilik termasuk meja solek dan meja tepi katil dan almari (selain bilik utama)	10,000.00	8,000.00	5,000.00
8.	Kabinet pasang siap	6,000.00	5,500.00	5,000.00
9.	Peti ais	3,500.00	3,000.00	2,500.00
10.	Set pinggan mangkuk	3,000.00	2,000.00	2,000.00
11.	Dapur dan hud dapur	5,000.00	4,000.00	2,000.00
12.	Ketuhar gelombang mikro	2,000.00	1,500.00	-
13.	Langsir	20,000.00	18,000.00	16,000.00
14.	Permaidani	15,000.00	12,000.00	10,000.00
15.	Mesin basuh	3,500.00	3,000.00	2,500.00
16.	Meja tulis dan kerusi	2,500.00	2,000.00	1,500.00

3. PENUTUP

- 3.1 Pegawai Pengawal wajib memastikan semua aset yang dibeli untuk semua Rumah Khas Jawatan dan Rumah Khas Jabatan didaftarkan di dalam KEW.PA-3 dan KEW.PA-4 dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengesahan penerimaan melalui Modul Aset Sistem iSPEKS. Butiran di KEW.PA-3 dan KEW.PA-4 hendaklah diisi dengan lengkap dan tepat sebelum ditandatangani.
- 3.2 Perolehan boleh dibuat berdasarkan kelulusan perolehan aset *one-off* tahunan jabatan yang diluluskan oleh Pejabat Kewangan Negeri.
- 3.3 Pegawai yang telah disediakan Rumah Khas Jawatan atau Rumah Khas Jabatan **wajib menduduki kediaman** tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pegawai tidak layak menerima Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)/ Bayaran Perumahan Khas (BPK). Penetapan ini selaras dengan Perintah Am Bab E.
- 3.4 Pegawai yang gagal untuk mematuhi arahan pekeliling ini boleh dikenakan surcaj di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957.
- 3.5 Pematuhan kepada pekeliling ini akan diambil kira dalam pengagihan peruntukan tahunan kepada semua jabatan / agensi.

4. PEMATUHAN

- 4.1 Pegawai Pengawal hendaklah merancang perolehan aset dengan mematuhi kadar yang telah ditetapkan, dan tiada sebarang permohonan perolehan melebihi kadar yang akan dipertimbangkan.
- 4.2 Garis Panduan ini berkuat kuasa serta merta dan Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri terdahulu berkaitan perkara ini adalah **terbatal**.

**PEJABAT KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN.**